

# Siswazah perlu 'jual' diri

Harian Metro m/s 12 4.7.07

>>Oleh Helmy Abd Rahman  
helmy@hmetro.com.my

SESI pengambilan pelajar baru di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara bermula, baru-baru ini.

Bagi tahun ini saja, lebih 40,000 pelajar dilaporkan terpilih untuk memulakan pengajian semester pertama di semua 20 IPTA.

Dalam tempoh tiga tahun, kebanyakan mereka akan menamatkan pembelajaran lalu memperoleh segulung ijazah dan bersedia memasuki alam pekerjaan.

Persoalannya, adakah mereka bersedia atau lebih tepat lagi dapatkah mereka memenuhi tuntutan sektor pekerjaan, sekali gus tidak menjadi penganggur yang tentunya merugikan diri, keluarga, masyarakat dan negara?

Bilangan pelajar itu belum lagi dicampur dengan graduan lulusan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang juga mencecah angka puluhan ribu.

Masalah pengangguran membabitkan lulusan IPTA dan IPTS baik dari dalam atau luar negara, bukanlah perkara baru, malah sering menjadi bualan masyarakat selain menghiasi tajuk utama berita di dada akhbar dan

saluran media elektronik di negara ini.

Kemelut permasalahan ini seakan sudah menjadi satu fenomena biasa dan secara terus-terusan membelenggu masyarakat.

Bagaimanapun, sehingga kini, kita masih belum menemui langkah atau kaedah paling sesuai dan berkesan bagi mengatasinya walaupun pelbagai usaha dan inisiatif dijalankan pelbagai pihak terutama kerajaan untuk membendunginya.

Persoalan yang timbul, secara tidak langsung boleh dikaitkan dengan teori ekonomi tradisional iaitu penawaran dan permintaan atau dengan bahasa mudah, jika ada permintaan, pasti ada pihak yang akan memberikan bekalan.

Kerajaan yang menyedari pentingnya untuk menyelesaikan kemelut ini mengambil inisiatif menyediakan banyak ruang dan peluang serta langkah bagi membantu graduan yang masih menganggur memperoleh pekerjaan dengan memperkenalkan pelbagai skim dan program seperti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), selain menggalakkan mereka mencuburkan diri dalam perniagaan melalui peruntukan dana dipanggil Skim Lepas Siswazah (SLS).

Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, menerusi ucapan penggulangannya di Perhimpunan Agung Umno ke-57, Julai tahun lalu, berkata statistik menunjukkan terdapat lebih 50,000 graduan menganggur.

Bagi menangani masalah berkenaan, kerajaan memutuskan untuk menyediakan landasan segera atau jalan keluar daripada kepompong pengangguran melalui pengisian jawatan kosong dalam perkhidmatan awam.

Kata Najib, Skim Latihan Graduan kepada lebih 3,000 graduan yang menganggur disediakan membabitkan agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Suruhanjaya Sekuriti (SC), Khazanah Nasional, Proton, Pos Malaysia, Penerbangan Malaysia (MAS), UEM, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Maybank, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Sime Darby dan Guthrie.

Setiap IPTA atau IPTS sebenarnya boleh disifatkan sebagai antara pembekal utama tenaga kerja, tidak kira sama ada membabitkan tenaga pa-

kar, mahir atau separa profesional.

Institusi terbabit seperti yang kita ketahui, setiap tahun melahirkan tenaga kerja yang diperlukan pelbagai sektor awam dan swasta.

Tetapi, apa yang berlaku, tenaga kerja yang dikeluarkan melebihi keperluan sebenar atau dengan kata lain, kekosongan yang ada tidak seimbang dengan jumlah belakan.

Kita juga sering mendengar keluhan siswazah mengenai kepayahan untuk mencari pekerjaan sesuai dengan kelulusan yang diperoleh berikutan kekurangan atau tiada penawaran peluang berkaitan cabang jurusan yang diambil mereka.

Memburukkan lagi keadaan, antara punca utama yang dikenal pasti hingga menyumbang kepada masalah itu ialah ketiadaan atau kurang kebolehan asas yang seharusnya dibentuk sejak zaman persekolahan seperti kemahiran komunikasi dan keyakinan menjawab soalan ketika ditemuduga, kurang daya ketrampilan diri serta lemah penguasaan bahasa Inggeris.

Pendapat ini disokong Pengarah Alumni dan Bahagian Perkhidmatan Kerjaya Universiti Islam Antarabang-

sa Malaysia (UIAM), Profesor Dr Shukran Abd Rahman, yang menggariskan dua faktor utama iaitu faktor dalaman dan luaran yang menjadi penyebab permasalahan berkenaan.

Beliau berkata, faktor dalaman merujuk kepada latar belakang graduan, terutama tahap kompetensi mereka.

"Melalui kajian pengesanan (tracer study) yang dilakukan UIAM menunjukkan graduan yang memiliki tahap persaingan tinggi lebih mudah dan cepat mendapat pekerjaan yang baik.

"Persaingan meliputi tahap penguasaan ilmu atau akademik, memiliki kemahiran kerja yang sesuai, mempunyai kebolehan yang diperlukan majikan selain ciri seperti bersikap positif dan berkeperibadian tinggi.

"Sementara kajian lain yang dilakukan UIAM di kalangan majikan pula menunjukkan mereka memberi keutamaan kepada aspek nilai, keperibadian dan sikap di samping kecemerlangan akademik. Faktor luaran adalah penawaran dan permintaan serta persepsi majikan terhadap pengalaman kerja graduan," katanya.

Ada antara graduan itu lebih cenderung mengambil sikap mencari kerja yang di-

pelajar sekolah - menengah oleh UIAM mendapati mereka yang memiliki cita-cita memberi lebih tumpuan kepada mata pelajaran yang berkaitan dengan keinginan mereka," katanya.

Harus diakui, bukan mudah untuk mencari jalan keluar bagi mengatasi atau sedikit-tidaknya mengurangkan kadar pengangguran membabitkan graduan berpendidikan tinggi seperti yang kita hadapi, tetapi ia bukan sesuatu yang mustahil dilaksanakan.

Sebenarnya, banyak pendekatan yang boleh diambil memegang ijazah terbabit jika mereka benar-benar berkeinginan memperoleh pendapatan tetap, bak kata pepatah 'di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.'

Yang penting, mereka perlu berusaha giat untuk memperbaiki kelemahan diri selain menjadi lebih proaktif dan kreatif serta menyambur setiap peluang yang datang.

Tiada salahnya jika golongan berpendidikan tinggi menjadi penternak ikan, menjadi peladang atau mengusahakan kebun sayur dan buah-buahan yang sebenarnya boleh memberi pendapatan lumayan.

Dalam era pascamoden dan dunia globalisasi sekarang,

rasakan lebih sesuai dengan taraf mereka sebagai bekas penuntut universiti.

Kesilapan memilih kursus di kalangan pelajar universiti juga menjadi masalah besar yang turut menyumbang kepada gejala pengangguran sesudah mereka mendapat ijazah.

Mengulas pandangan ini, Shukran berkata, faktor berkenaan tidak boleh diambil mudah oleh pelajar dan masyarakat.

"Pelajar perlu dibiasakan dengan pendedahan kerjaya pada peringkat awal supaya mendapat panduan yang tepat mengenai kesesuaian antara diri dan tuntutan sesuatu kerjaya.

"Ini penting untuk memastikan pelajar menghayati bidang pengkhususan mereka dan seterusnya memberi tumpuan kepada pengajian yang dipilih.

"Keadaan itu secara tidak langsung menyebabkan pelajar mendapat tahap kompetensi yang tinggi, yang membuatkan mereka lebih 'employable' dan lebih cepat mendapat pekerjaan.

"Kajian mengenai peranan aspirasi kerjaya di kalangan

ada baiknya jika golongan terbabit mencuba nasib dengan bekerja di luar negara, terutama negara maju.

Ia sebenarnya sudah lama dipraktikkan negara lain dan ternyata menguntungkan dengan jumlah aliran wang masuk mencecah berbilion ringgit.

Banyak kebaikan lain boleh diperolehi jika ada antara tenaga mahir atau separa profesional bekerja di luar negara, termasuk soal kemahiran dipelajari sepanjang bekerja di luar negeri boleh dibawa pulang ke tanah air.

"Sebetulnya, graduan Malaysia memang diterima di pasaran antarabangsa. Kita perlu menggalakkan lebih ramai graduan bekerja di luar supaya mereka mendapat pendedahan kerjaya yang lebih kompetitif.

"Usaha itu bukan saja memanfaatkan graduan, tetapi negara destinasi dan negara kita juga. Namun mereka perlu lebih bersedia sebelum menyertai pasaran pekerjaan di luar dan perlu kembali ke sini kerana Malaysia juga memerlukan lebih ramai tenaga kerja," kata Dr Shukran.